

NO. SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10348

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **KEMENTERIAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Perdana Menteri bersetuju bahawa satunya penyelesaian masalah Pendatang Asing Tanpa Izin yang telah menjadi warga Sabah melalui Projek IC adalah melalui persetujuan dengan Kerajaan Sabah untuk melaksanakan pendaftaran Kad Pengenalan Khas khususnya kepada Rakyat Sabah secara prosedur / pemeriksaan ketat sebelum meluluskan pendaftaran seperti berikut: (dalam cadangan ini MyKad akan wujud bersama dengan Kad Sabah ini sebab MyKad adalah identiti Persekutuan Malaysia).

63

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan tersebut perlu ditangani secara berhemah kerana menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan bahawa semua pelaksanaan cadangan tidak akan menggugat keselamatan, ketenteraman awam, kelangsungan dan kesejahteraan rakyat Sabah serta keluhuran perundangan. Kerajaan perlu mengambil kira pandangan Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Induk) dan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa untuk melaksanakan pendaftaran balik dan pengeluaran Kad Pengenalan Khas bagi rakyat Sabah.